



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA INFLUENZA A (H1N1)
20 APRIL 2010

Sehingga jam 8:00 pagi pada 20 April 2010, Kementerian telah menerima sejumlah enam (6) laporan kejadian kluster ILI daripada enam (6) buah negeri seperti di 'Lampiran 1'.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 19 April 2010, sejumlah 41 kes disahkan Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 13,199. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 570 kes. Daripada jumlah tersebut, 67 kes (11.8%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan yang dirawat di ICU adalah 13 kes di mana sepuluh (10) daripadanya mempunyai faktor-faktor risiko. Tiada laporan kematian yang diterima semalam.

Kementerian Kesihatan ingin terus mengingatkan masyarakat bahawa penularan jangkitan Influenza A(H1N1) terus aktif di dalam komuniti. Masyarakat perlu sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang telah dihebahkan sebelum ini. Orang awam yang mempunyai faktor risiko seperti ibu hamil, menghadapi penyakit kronik seperti asma, diabetes, buah pinggang, jantung dan lain-lain, harus segera mendapatkan pelalian vaksin A(H1N1) di 104 fasiliti Kementerian seluruh negara. Hasil pemantauan pemberian vaksinasi oleh Kementerian Kesihatan mendapati vaksin ini adalah selamat tanpa sebarang kesan sampingan yang serius. Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Tarikh: 20 April 2010

'Lampiran 1'

Senarai Laporan Kejadian Kluster Influenza-Like Illness (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 20 April 2010

Bil.	Institusi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1	Body Fashion (M) Sdn Bhd, Lot 16A, Lrg Perusahaan 6, Kulim Industrial Estate, Kedah	860 orang	82 orang	2 sampel positif H1N1	17 diberi rawatan antiviral, rawatan simtomatik diberi kepada yang lain sebagai pesakit luar
2	Tadika Little Caterpillar Childcare Centre, Bintulu, Sarawak	67 orang	11 orang	2 sampel positif H1N1	1 kes dimasukkan ke wad, 2 diberi rawatan antiviral
3	B-9-7, Perumahan Polis Desa Aman 1, Jalan Pantai Puteri, Pantai Dalam, Kuala Lumpur	11 orang	6 orang	1 sampel positif H1N1	2 kes dimasukkan ke wad, 6 diberi rawatan antiviral
4	Kampung Belakang Asrama Sekolah Menengah Iskandar Shah, Parit, Perak	5 orang	2 orang	Menunggu keputusan	2 kes dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral
5	SMK Alam Megah, Shah Alam, Selangor	1299 orang	32 orang	2 sampel positif H1N1	2 kes dimasukkan ke hospital swasta dan diberi rawatan antiviral
6	Sekolah Menengah Sri Serating, Marang, Terengganu	671 orang	7 orang	Menunggu keputusan	7 diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar